

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1995/96

Oktober/November 1995

ZGT 261 - Geologi I

Masa : [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.



Jawab EMPAT soalan sahaja. Kesemuanya wajib dijawab di dalam Bahasa Malaysia.

1.(a) Tuliskan karangan tentang penentuan umur relatif bagi jasad-jasad geologi, termasuk prinsip-prinsip geologi yang digunakan. Juga huraikan cara-cara lama dan baru untuk menentukan umur mutlak Bumi.

(50/100)

(b) Rajah 1 menunjukkan keratan rentas geologi. Bincangkan tentang sejarah geologi kawasan ini. Perbincangan anda patut termasuk senarai jasad-jasad geologi mengikut umurnya, daripada yang paling tua ke yang paling mudah. Juga bincangkan tentang gerakan tektonik dan aktiviti igneus yang berlaku di kawasan ini.

(50/100)



Rajah 1: Keratan rentas geologi

....2

2. Bincangkan secara ringkas tentang
- [a] Asal-usul Sistem Matahari dan Bumi (40/100)
 - [b] Struktur kerak benua dan lautan (40/100)
 - [c] Ciri-ciri geologi di zon capahan (20/100)
3. Tuliskan karangan tentang mineral-mineral silikat:
Karangan anda patut meliputi struktur dan jenis-jenis mineral silikat seperti kuarza, feldspar, mika dan mineral feromagnesiam. (100/100)
4. Bincangkan tentang
- [a] jenis-jenis fosil (40/100)
 - [b] Perlipatan dan sesaran batuan (60/100)
- 5.(a) Bincangkan tentang tiga jenis magma utama, termasuk punca magma-magma ini dari segi teori tektonik keping. Apakah punca magma gunung berapi di
- [a] Kepulauan Hawawi ? (30/100)
 - [b] Java ? (30/100)
- (b) Tuliskan karangan tentang siri tindakbalas Bowen. (30/100)
- (c) Bincangkan tentang bentuk jasad-jasad terobosan magma mafik dan magma bersilika. (40/100)

- oooOooo -